

15 DEC 2001

Mahathir-Raya (Islam)

UMAT ISLAM PATUT TUKAR BUDAYA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 15 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam patut menukar budaya dengan mengurangkan penekanan kepada rupa bentuk Islam tetapi kepada isi kandungan ajarannya.

Perdana Menteri berkata budaya Islam yang sebenarnya adalah yang mengutamakan usaha memperbaiki pencapaian hidup di dunia dan bekalan di akhirat.

Dalam perutusannya sempena Aidilfitri yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM), TV3 and Astro malam ini, Dr Mahathir berkata umat Islam harus berusaha menguasai semua ilmu yang boleh menguat dan meningkatkan daya tahan orang Islam Malaysia di samping memiliki pengetahuan ajaran Islam yang sebenar.

"Janganlah sesiapa menghalang anak-anak kita daripada menuntut ilmu-ilmu yang boleh membebaskan kita daripada bergantung kepada orang lain, kepada musuh kita, keperluan hidup kita, untuk pertahanan kita, kerana sesungguhnya perbuatan ini mengkhianati Islam dan umat Islam," katanya.

Dr Mahathir berkata orang Islam di Malaysia dan di negara-negara Islam lain atau di negara-negara bukan Islam mestilah menguasai ilmu dan kecekapan supaya dapat bersaing dengan jayanya dengan orang bukan Islam di mana sahaja.

Beliau berkata umat Islam perlu merenung dan menganalisis sebab-sebab mereka ditindas serta mudah diserang dan ditewaskan.

"Masa sudah tiba bagi orang Islam berhenti daripada menyalahkan Tuhan dan (sebaliknya) berusaha dengan lebih gigih, lebih daripada orang bukan Islam di mana sahaja," katanya.

Perdana Menteri berharap umat Islam memahami mengapa negara Islam menjadi begitu lemah dan tidak ada hari kebesaran Islam yang dapat dirayakan dengan sempurna dan gembira.

"Kita perlu bertanya kepada diri kita apakah malapetaka yang menimpa umat Islam ini disebabkan oleh takdir atau apakah ia disebabkan oleh kita mengabaikan ajaran Islam yang sebenar," kata Dr Mahathir.

Ajaran yang sebenar itu, katanya, ialah ajaran yang menyuruh umat Islam berusaha mengubah nasib mereka dan tidak hanya berdoa meminta-minta daripada Tuhan untuk menyelamatkan mereka.

"Jangan dengan mudah menyalahkan takdir apabila yang buruk berlaku kerana yang buruk datangnya daripada kita dan sebenarnya kita yang menyebabkan kita orang Islam menjadi lemah dan mudah ditindas.

"Dengan kesedaran itu, kita semua membuat resolusi supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya bermula dengan merapatkan kembali hubungan sesama orang Islam dan hidup sebagai orang Islam yang bersaudara," kata Dr Mahathir.

Beliau meminta umat Islam berusaha lebih gigih daripada orang bukan Islam yang sudah maju untuk bergerak sama pantas dengan mereka.

"Sudah tentu jika kita kurang pantas daripada mereka jarak antara kita dengan mereka akan menjadi lebih jauh dengan pengaliran masa.

"Ingatlah, hari ini betapa mudahnya kita ditekan, ditakluk dan dipermainkan oleh mereka. Jika kita di masa-masa akan datang tertinggal lebih jauh, nasib kita tentu akan lebih buruk dari sekarang," katanya.

Katanya Malaysia sebagai negara berbilang kaum, agama, budaya dan bahasa, kunjungan orang bukan Islam di Hari Raya hendaklah disambut dengan kemesraan yang ikhlas bagi menjamin hubungan antara kaum di negara ini.

"Hari Raya memberi peluang kepada kita menunjuk kebaikan agama Islam kepada semua pihak dan ini akan dapat mematahkan dakwaan pihak tertentu yang cuba memburuk-buruk agama Islam dan orang Islam. Kita akan dapat mempamerkan apa sebenarnya agama Islam dan apakah peribadi orang Islam menurut ajaran Islam yang sebenar," katanya.

Beliau juga mengajak rakyat memperingati sumbangan pasukan keselamatan kerana dapat merayakan Hari Raya dengan selamat dan mereka dapat menjalankan tugas dengan profesional, dedikasi dan bertanggungjawab tanpa berehat dan bercuti.

Kepada pengguna jalan raya, beliau meminta mereka memandu dengan cermat dan selamat sampai ke destinasi.

Dalam perutusannya itu juga, Perdana Menteri bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia menyampaikan ucap takziah kepada Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah serta seluruh kerabat diraja Selangor dan bekas Permaisuri Agong, atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bulan lepas.

Dr Mahathir juga bagi pihak kerajaan dan rakyat melahirkan rasa gembira dengan pelantikan Tuanku Syed Sirajuddin Tuanku Syed Putra Jamalullail sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-12.

-- BERNAMA

DC DC MAI